

NATIONAL COMMITTEES FOR THE IMPLEMENTATION OF INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW



The Geneva Conventions of 1949 and their Additional Protocols of 1977 are the principal treaties governing aid to and protection of the victims of armed conflict. In order to secure the guarantees provided by these instruments, it is essential that the States implement their provisions to the fullest possible extent. Implementation requires the States to adopt a number of internal laws and regulations. They must, for example, establish rules on the punishment of violations, the use and protection of the red cross and red crescent emblems and the fundamental rights for protected persons. In addition, the States are obliged to spread knowledge of the Conventions and Protocols as widely as possible. Owing to the broad range of issues associated with these responsibilities, comprehensive implementation of the rules of international humanitarian law (IHL) requires coordination and support from all the government departments and other entities concerned.

THE PURPOSE OF NATIONAL IHL COMMITTEES

To facilitate this process, many States have created either national interministerial working groups, often called committees for the implementation of IHL or national IHL committees or commissions. Their purpose is to advise and assist the government in implementing and spreading knowledge of IHL.

Setting up national IHL committees is recognized as an important step in ensuring the effective application of IHL, and was advocated by the Intergovernmental Group of Experts for the Protection of War Victims and adopted by the 26th International Conference of the Red Cross and Red Crescent (Geneva, 1995). The International Committee of the Red Cross continues to support the development and establishment of national IHL committees in this framework.



Implementation of IHL requires the States to adopt a number of internal laws and regulations. To facilitate this process, many States have created either national interministerial working groups, often called committees for the implementation of IHL or national IHL committees or commissions.

THE FUNCTIONS OF A NATIONAL IHL COMMITTEE

The organization and objectives of a national committee must be determined by the State at the time of the committee's formation. However, since its purpose is to further the implementation and promote knowledge of IHL at the national level, the committee should have the following characteristics:

- It should be able to evaluate existing national law in the light of the obligations created by the Conventions, Protocols, and other instruments of IHL.
- It should be in a position to make recommendations for further implementation. This may involve proposing new legislation or amendments to existing law, coordinating the adoption and content of administrative regulations, or providing guidance on the interpretation and application of IHL rules.
- The committee should play an important role in promoting activities to spread knowledge of IHL. It should have the authority to conduct studies, propose activities, and assist in making IHL more widely known. The committee should therefore be involved in instructing the armed forces in this domain, teaching IHL at various levels of the public education system and promoting the basic principles of IHL among the general population.

THE COMPOSITION OF THE COMMITTEE

Given its functions, a national humanitarian law committee requires a wide range of expertise.

The committee must include representatives of the government ministries concerned with implementing IHL. Precisely which ministries are relevant will depend on the committee's mandate, but they are likely to include Ministries or Departments of Defence, Foreign Affairs, Internal Affairs, Justice, Health, Education and Culture.

It may also be useful to have representatives of legislative committees, members of the judiciary and personnel from the headquarters of the armed forces.

It is important that such a committee include other qualified persons.

These may be individuals not associated with government ministries but who are appointed for their legal, educational, communications or other expertise. The committee should therefore consider inviting IHL specialists from universities (especially law faculties), humanitarian organizations and possibly the electronic and print media.

Setting up national IHL committees is recognized as an important step in ensuring the effective application of IHL.

More on the functioning and composition of national IHL Committees can be found in the ICRC's Guidelines for Success for National IHL Committees and other similar entities.¹

It is likely that the national Red Cross or Red Crescent Society will already be involved in some of the activities and functions mentioned above.

The National Society often possesses valuable knowledge and experience, which can help achieve the committee's objectives. In some States where such committees exist, it was the National Society that requested its setting up and hence was instrumental in its formation. In many States, the National Society provides the committee's secretariat.

Considering the position and experience of a National Society, it is important that a national committee include representatives of the Society.

Given its functions, a national humanitarian law committee requires a wide range of expertise.

SETTING UP A NATIONAL HUMANITARIAN LAW COMMITTEE

A national committee for the implementation of IHL need not have a specific structure. The process by which it is set up will depend on the structure and procedures of the State concerned. Generally, the executive power will have authority to establish such a body. The ICRC Guidelines for Success for National IHL Committees can assist.²

IMPLEMENTING INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW

Creating a national committee can be a useful and indeed decisive step in ensuring the comprehensive implementation of international humanitarian law. It represents a commitment to securing the essential guarantees laid down for the victims of armed conflict, demonstrating that the State is taking steps towards fulfilling its fundamental obligation to respect and ensure respect for IHL.

Neither the Geneva Conventions nor their Additional Protocols require such a committee to be set up. It is therefore entirely up to the State concerned to determine how it is created, how it functions, and who are its members.

Considering the position and experience of a National Society, it is important that a national committee include representatives of the Society.

As a result, there is considerable flexibility as to the role and characteristics of such committees. Some of the most important features have been outlined above, but any State is free to add others.

It is important to emphasize that the full implementation of IHL is an ongoing process and is not completed solely by passing laws and issuing regulations. Comprehensive implementation involves monitoring the application and promotion of the law, as well as keeping informed of and contributing to its development. It is therefore recommended that a national humanitarian law committee be a permanent and not an ad hoc body.

It is also recommended that, once created, the committee establishes relations with other national committees and the International Committee of the Red Cross. Representatives of the national committees should meet regularly and share information concerning current activities and past experiences. This is particularly important among States within the same geographic region or with similar political or legal systems. A national committee should also consider joining the ICRC's Online community for national IHL committees, which is a peer exchange platform.

Through its Advisory Service on international humanitarian law, and its regional and national legal advisers, the International Committee of the Red Cross works on a regular basis with national committees for the implementation of IHL. It also stands ready to assist and provide further information to States interested in forming committees.

¹ Available at <https://www.icrc.org/en/document/national-committees-and-similar-entities-international-humanitarian-law-guidelines-success>.

² See above note 1.

MISSION

The International Committee of the Red Cross (ICRC) is an impartial, neutral and independent organization whose exclusively humanitarian mission is to protect the lives and dignity of victims of armed conflict and other situations of violence and to provide them with assistance. The ICRC also endeavours to prevent suffering by promoting and strengthening humanitarian law and universal humanitarian principles. Established in 1863, the ICRC is at the origin of the Geneva Conventions and the International Red Cross and Red Crescent Movement. It directs and coordinates the international activities conducted by the Movement in armed conflicts and other situations of violence.

 facebook.com/icrc

 twitter.com/icrc

 instagram.com/icrc


International Committee of the Red Cross
19, avenue de la Paix
1202 Geneva, Switzerland
T +41 22 734 60 01
shop.icrc.org
© ICRC, April 2021

JAWATANKUASA KEBANGSAAN BAGI PELAKSANAAN UNDANG- UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA



Konvensyen-Konvensyen Geneva 1949 dan Protokol-Protokol Tambahannya 1977 adalah triti-triti utama yang mengawal selia bantuan dan perlindungan kepada mangsa-mangsa konflik bersenjata. Bagi memastikan jaminan-jaminan dibawah instrumen-instrumen ini dapat diperoleh, Negara-Negara Pihak wajib melaksanakan peruntukan-peruntukan instrumen-instrumen ini sepenuhnya dengan semampu mungkin. Pelaksanaan peruntukan menghendaki Negara-Negara Pihak mengguna pakai beberapa undang-undang dan peraturan-peraturan dalam negara. Sebagai contoh, Negara-Negara Pihak mesti menetapkan peraturan-peraturan tentang hukuman bagi pelanggaran-pelanggaran, penggunaan dan perlindungan lambang palang merah dan bulan sabit merah serta tentang hak-hak asasi orang yang dilindungi. Selain itu, Negara-Negara Pihak berkewajipan untuk menyebarkan pengetahuan tentang Konvensyen-Konvensyen dan Protokol-Protokol Tambahan dengan seluas yang mungkin. Oleh sebab tanggungjawab ini melibatkan pelbagai isu dan bidang, pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa (*international humanitarian law* atau UUKA) secara menyeluruh memerlukan penyelaras dan sokongan daripada semua agensi kerajaan serta entiti lain yang berkenaan.

TUJUAN JAWATANKUSA UUKA KEBANGSAAN

Bagi memudahkan proses penyelarasan ini, kebanyakan Negara-Negara Pihak telah membentuk sama ada kumpulan kerja antara kementerian kebangsaan, lazimnya digelar sebagai jawatankuasa pelaksanaan UUKA , atau jawatankuasa atau suruhanjaya UUKA kebangsaan. Tujuannya adalah untuk memberikan nasihat dan bantuan kepada kerajaan dalam melaksanakan dan menyebarkan pengetahuan tentang UUKA.

Pembentukan jawatankuasa UUKA kebangsaan disifatkan sebagai satu langkah penting untuk memastikan keberkesanannya pelaksanaan UUKA, yang telah Kumpulan Pakar-Pakar Antara Kerajaan bagi Perlindungan Mangsa-Mangsa Perang sarankan dan diterimapakai oleh negara-negara di Persidangan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa ke-26 (di Geneva pada tahun 1995). Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah terus menyokong perkembangan dan penubuhan jawatankuasa UUKA kebangsaan melalui rangka kerja ini.

Pelaksanaan UUKA menghendaki Negara-Negara Pihak menerima pakai beberapa undang-undang dan peraturan dalam negara. Bagi memudahkan proses penyelarasan ini, kebanyakan Negara Pihak telah membentuk sama ada kumpulan kerja antara kementerian kebangsaan, lazimnya digelar sebagai jawatankuasa pelaksanaan UUKA, atau jawatankuasa atau suruhanjaya UUKA kebangsaan.

FUNGSI JAWATANKUSA UUKA KEBANGSAAN

Struktur dan objektif-objektif jawatankuasa kebangsaan mestilah ditentukan oleh Negara-Negara Pihak semasa pembentukan jawatankuasa tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan tujuannya adalah untuk memperkembang pelaksanaan dan menggalakkan penyebaran pengetahuan tentang UUKA pada peringkat kebangsaan, jawatankuasa ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

- Jawatankuasa hendaklah berupaya untuk menilai undang-undang kebangsaan sedia ada dengan mengambil kira obligasi-obligasi dibawah Konvensyen-Konvensyen, Protokol-Protokol dan instrumen-instrumen UUKA yang lain.
- Jawatankuasa hendaklah mampu untuk mengemukakan syor-syor bagi pelaksanaan selanjutnya. Kerja-kerja ini boleh melibatkan mencadangkan penggubalan undang-undang baharu atau pindaan-pindaan kepada undang-undang sedia ada, menyelaraskan penerimangunaan serta kandungan peraturan-peraturan pentadbiran, atau menyediakan panduan tentang pentafsiran dan pemakaian prinsip-prinsip UUKA.
- Jawatankuasa hendaklah memainkan peranan penting dalam menggalakkan aktiviti-aktiviti penyebaran pengetahuan tentang UUKA. Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menjalankan kajian, mencadangkan aktiviti dan menjadikan UUKA lebih diketahui umum. Dengan itu, jawatankuasa hendaklah terlibat dalam membimbing angkatan bersenjata dalam hal ini, mengajarkan UUKA pada pelbagai peringkat dalam sistem pendidikan awam dan menyebarluaskan prinsip-asas UUKA dalam kalangan masyarakat awam.

KEANGGOTAAN JAWATANKUSA

Berdasarkan fungsi-fungsinya, sesuatu jawatankuasa UUKA kebangsaan memerlukan pelbagai jenis kepakaran.

Jawatankuasa ini mesti dianggotai wakil-wakil daripada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan UUKA. Penentuan kementerian yang relevan sewajarnya bergantung pada mandat jawatankuasa, namun -ia biasanya terdiri daripada Kementerian atau Jabatan Pertahanan, Luar Negeri, Dalam Negeri, Kehakiman, Kesihatan, Pendidikan dan Kebudayaan.

Penyertaan wakil-wakil jawatankuasa perundangan, badan-badan kehakiman dan pegawai-pegawai ibu pejabat angkatan tentera boleh juga bermanfaat dan wajar dipertimbangkan.

Jawatankuasa tersebut juga perlu melibatkan individu-individu berkelayakan yang lain. Individu-individu ini mungkin tiada kaitan dengan kementerian atau agensi kerajaan, tetapi mereka dilantik atas dasar kepakaran dalam bidang perundangan, pendidikan, komunikasi atau lain-lain. Oleh itu, jawatankuasa ini seharusnya menjemput pakar UUKA dari universiti-universiti (khususnya fakulti undang-undang), pertubuhan-pertubuhan kemanusiaan serta wakil-wakil media elektronik dan media cetak.

Pembentukan jawatankuasa UUKA kebangsaan disifatkan sebagai satu langkah penting untuk memastikan keberkesanannya pelaksanaan UUKA.

Maklumat lanjut tentang fungsi dan keanggotaan Jawatankuasa UUKA kebangsaan boleh didapati melalui Garis Panduan ICRC untuk Jawatankuasa UUKA Kebangsaan dan Entiti-entiti lain yang serupa.¹

Persatuan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah Kebangsaan boleh terlibat dalam beberapa aktiviti dan fungsi yang dinyatakan di atas.

Persatuan Kebangsaan lazimnya memiliki pengetahuan dan pengalaman berharga yang dapat membantu mencapai objektif-objektif jawatankuasa. Di beberapa Negara yang mempunyai jawatankuasa tersebut, permohonan untuk membentuk jawatankuasa pada mulanya telah dibuat oleh Persatuan-Persatuan Kebangsaan dan hal ini menunjukkan peranan penting yang dimainkan oleh Persatuan Kebangsaan dalam pembentukan jawatankuasa. Di kebanyakan Negara juga, Persatuan Kebangsaan berperanan sebagai urus setia jawatankuasa.

Dengan mengambil kira kedudukan dan pengalaman Persatuan Kebangsaan tersebut, adalah juga penting untuk jawatankuasa UUKA kebangsaan mempunyai wakil daripada Persatuan.

Berdasarkan fungsi-fungsinya, jawatankuasa UUKA kebangsaan memerlukan pelbagai jenis kepakaran.

PEMBENTUKAN JAWATANKUASA UUKA KEBANGSAAN

Jawatankuasa kebangsaan bagi pelaksanaan UUKA tidak memerlukan struktur yang khusus. Proses pembentukannya bergantung pada struktur dan prosedur negara yang berkenaan. Secara umumnya, pihak berkuasa eksekutif mempunyai kuasa untuk mewujudkan badan tersebut. Garis Panduan ICRC untuk Jawatankuasa UUKA Kebangsaan boleh dirujuk dalam hal ini.²

PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (UUKA)

Pewujudan jawatankuasa kebangsaan boleh disifatkan sebagai langkah yang wajar dan tentu sahaja memastikan pelaksanaan undang-undang kemanusiaan antarabangsa secara menyeluruh. Usaha ini menggambarkan komitmen keselamatan jaminan-jaminan bagi mangsa-mangsa konflik bersenjata, dan menunjukkan bahawa Negara-Negara mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memenuhi kewajipan-kewajipan asas dalam menghormati dan memastikan UUKA dihormati.

Konvensyen-Konvensyen Geneva dan Protokol-Protokol Tambahannya tidak menghendaki pembentukan jawatankuasa tersebut. Maka, terserah sepenuhnya kepada Negara-Negara yang berkenaan untuk menentukan pembentukan jawatankuasa, fungsi dan juga keanggotannya.

Dengan mengambil kira kedudukan dan pengalaman Persatuan Kebangsaan, maka penting untuk jawatankuasa kebangsaan mempunyai wakil daripada Persatuan.

Oleh demikian, terdapat banyak kelonggaran dari segi peranan dan juga ciri-ciri jawatankuasa tersebut. Beberapa butiran penting telah dinyatakan di atas, namun mana-mana Negara bebas untuk memperincikan yang lain.

Pelaksanaan sepenuhnya UUKA merupakan suatu proses yang berterusan dan tidak sekadar dimuktamadkan melalui kelulusan undang-undang dan peruntukan peraturan-peraturan. Pelaksanaan menyeluruh termasuklah memantau penggunaan dan pengenalan undang-undang serta sentiasa mengetahui dan menyumbang kepada perkembangannya. Dengan itu, adalah disyorkan supaya jawatankuasa undang-undang kemanusiaan kebangsaan dijadikan badan tetap dan bukannya bersifat ad hoc.

Apabila sudah diwujudkan, jawatankuasa ini juga disyorkan supaya menjalin hubungan dengan jawatankuasa kebangsaan lain serta Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah. Wakil jawatankuasa kebangsaan hendaklah mengadakan pertemuan secara kerap dan berkongsi maklumat tentang aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan serta pengalaman masing-masing. Hal ini amat penting terutamanya di kalangan Negara-Negara Pihak yang berada dalam kawasan geografi yang sama atau mengamalkan sistem politik atau undang-undang yang serupa. Jawatankuasa kebangsaan juga perlu mempertimbangkan penyertaan dalam komuniti dalam talian ICRC bagi jawatankuasa UUKA kebangsaan, iaitu platform pertukaran setara.

ICRC, melalui Khidmat Nasihatnya tentang undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan penasihat undang-undang serantau dan kebangsaannya, terus bekerjasama dengan jawatankuasa kebangsaan bagi pelaksanaan UUKA. ICRC juga sentiasa bersedia untuk memberikan bantuan dan menyediakan maklumat tambahan kepada Negara-Negara Pihak yang berminat dalam pembentukan jawatankuasa.

¹ Boleh didapati di <https://www.icrc.org/en/document/national-committees-and-similar-entities-international-humanitarian-law-guidelines-success>.

² Lihat nota 1 di atas.

MISI

Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (*International Committee of the Red Cross* atau ICRC) ialah sebuah pertubuhan yang saksama, berkecuali dan bebas dengan misi kemanusiaannya yang khusus untuk melindungi nyawa dan maruah mangsa-mangsa konflik bersenjata dan situasi-situasi keganasan yang lain serta memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa. ICRC juga berusaha untuk mencegah penderitaan dengan menyebarluaskan pengetahuan dan memperkuuh undang-undang kemanusiaan dan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat. Ditubuhkan pada 1863, ICRC berada pada asal usul Konvensyen-Konvensyen Geneva serta Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa. Jawatankuasa ini mengawal serta menyelaras aktiviti-aktiviti antarabangsa yang dijalankan oleh Pergerakan semasa berlakunya konflik-konflik bersenjata dan dalam situasi-situasi keganasan yang lain.

 facebook.com/icrc

 twitter.com/icrc

 instagram.com/icrc

International Committee of the Red Cross

19, avenue de la Paix

1202 Geneva, Switzerland

T +41 22 734 60 01

shop.icrc.org

© ICRC, April 2021



ICRC